



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 3 SEPTEMBER 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	TEKNOLOGI, VARIETI MODEN MAMPU PACU HASIL PADI, BISNES, BH -20	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2. 3. 4.	NELAYAN DESAK PEMAJU STP2 ALIH BOYA, DALAM NEGERI, UM -10 LOKASI BOYA IKUT JABATAN LAUT, DALAM NEGERI, UM -10 PENCEROBOH PERAIRAN NEGARA WAJAR DIKENAKAN TINDAKAN TEGAS, NASIONAL. HAKAKAH -N22	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Teknologi, varieti moden mampu pacu hasil padi

Pengeluaran padi negara boleh ditingkatkan menerusi pembangunan teknologi, terutama melalui penggunaan jentera dan pelai penggunaan jentera dan pelai ngenalan varieti padi moden.

Penggunaan teknologi berse-suaian dan penghasilan benih baharu akan menjadikan ia lebih berdaya tahan daripada seran-gan penyakit dan bencana alam, seterusnya membantu meningkatkan hasil lebih baik.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dato' Dr Mohamad Roff Mohd Noor, berkata MARDI iaitu satu-satunya pusat penyelidikan yang menghasilkan varieti padi juga menjadi antara penyumbang utama kepada pengeluaran padi negara yang lebih mapan.

"Kami memiliki Bank Gen Padi yang tertetak di Seberang Prai serta di luar negara iaitu di Filipina dan Korea di mana ia adalah pusat penyimpanan 13,000 benih asas padi (asesi padi)

yang diperoleh daripada pelbagai agensi, terutama dari India.

"Daripada benih asas berkenaan, kami sentiasa menjalankan kajian dan penyelidikan (R&D) dan mengeluarkan varieti padi yang dibuat secara berhati-hati berdasarkan keperluan industri. Kecukupan bekalan pengeluaran padi adalah turut bergantung kepada simpanan benih asas itu," katanya kepada BH dalam temu bual baru-baru ini.

Simpanan benih asas padi itu merangkumi tiga tempoh masa kitaran, iaitu jangka pendek yang mengambil masa dua hingga tiga tahun, sederhana (10 hingga 15 tahun) dan panjang (sehingga 30 tahun).

Selepas tamat tempoh, setiap benih asas akan ditanam bagi melengkapkan semula kitaran.

Dr Mohamad Roff berkata, keperluan benih komersial bagi sawah di Malaysia adalah kira-kira 75,000 tan setahun dan di dalam simpanan MARDI ketika ini ter-

dapat lebih 200 varieti padi yang sedang diuji serta menunggu masa sesuai untuk dikeluarkan.

Mengulas mengenai kajian mengatakan Malaysia ketinggalan dalam penghasilan padi baharu, beliau berkata, matlamat utama pengeluaran varieti bujukan setakat untuk penghasilan padi yang tinggi semata-mata, tetapi juga berasaskan beberapa faktor lain seperti kawasan, persekitaran, cuaca, ancaman penyakit dan penyakit.

"Pengisyiharan varieti biasanya akan diikuti dengan pakej teknologi seperti amalan agrokonomi, kawalan perosak dan penyakit. Itu adalah sebab mengapa MARDI tidak mengisyiharkan terlalu banyak varieti pada satu-satu masa dan memadai secara purata satu varieti setiap tahun.

"Adalah tidak adil kita membandingkan dengan pengeluaran varieti di India iaitu sebanyak 1,900 varieti dalam tempoh 50 ta-



**Mohamad Roff Mohd Noor**

hun dengan keluasan tanaman padi seluas kira-kira 45 juta hektar. Keperluan negara itu yang mempunyai kepelbagaian iklim, tanah dan topografi berbeza selain keperluan citarasa rakyatnya yang pelbagai dalam keperluan beras.

"Jika dinisbahkan pengeluaran varieti bertanding keluasan kawasan, penanaman Malaysia masih dalam kalangan terbaik dengan nisbah satu varieti mer-

angkumi keluasan 6,500 hektar, sementara di India satu varieti bagi setiap 11,476 hektar dan Filipina satu varieti bagi setiap 12,000 hektar," katanya.

Beliau menambah, kos pengeluaran bagi satu varieti menelan perbelanjaan RM5 juta hingga RM8 juta yang mengambil masa antara lapan hingga 11 tahun.

Dalam pada itu katanya, pengeluaran padi negara masih mesejukupi untuk menampung keperluan rakyat di Malaysia, sekali gus mampu mencapai sasaran pengeluaran beras tempatan sehingga 80 peratus dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Kadar pengeluaran beras tempatan tahun lalu adalah 72.8 peratus, iaitu 3.1 juta tan seta-hun, manakala selebihnya adalah beras yang diimport.

"Jumlah berkenaan masih mencukupi bagi menampung keperluan rakyat selain dibantu dengan permintaan beras yang import," katanya.

# Nelayan desak pemaju STP2 alih boya



**MOHD. ISHAK ABD. RAHMAN** (kiri) bersama **Md. Wazir Zainal** menunjukkan pukak yang rosak akibat tersangkut pada peranda projek penambakan laut di Jeti Nelayan Tanjung Tokong, Georgetown, Pulau Pinang, semalam.

terpaksa dielak oleh nelayan. Ini kerana, Pengerusi Komuniti Nelayan Pengkalan Tanjung Tokong, Mohd. Ishak Abd Rahman, 72, berkata, boya itu akan

menyebabkan pukak nelayan yang hanyut ke kawasan berkenaan rosak.

"Boya ini dipasang terlalu dekat dengan jeti nelayan, ka-

kami pasti rosak dengan teruk apabila tersangkut pada boya tersebut," katanya di sini hari ini.

Menurut Mohd. Ishak, nelayan di situ sudah lama meminta boya itu dialihkan oleh pihak pemaju, malangnya langsung tidak diendahkan.

"Sebenarnya kami sudah lama berdepan dengan masalah ini, boya mengganggu perjalanan nelayan ke laut.

"Kami rata-rata nelayan pukak hanyut, pukak kami pasti rosak teruk jika tersangkut pada boya, kos untuk baiki pukak juga bukan murah iaitu menjangkau RM400," katanya.

Dalam pada itu, seorang lagi nelayan, **Md. Wazir Zainal**, 61, berkata, sejak empat tahun lalu, dia terpaksa membelanjakan ratusan ringgit untuk membaiki pukak hanyut miliknya yang rosak akibat tersangkut pada boya itu.

"Kami minta alihkan boya ini ke kawasan lain, jangan halang laluan kami ke laut.

"Laut inilah satu-satunya punca rezeki kami walaupun hasilnya semakin berkurang kami tetap akan turun ke laut demi mencari rezeki untuk keluarga," katanya.



Oleh **SAFINA RAMLI**  
penganang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 2 SEPT.

**S**EBELUM ini, komuniti nelayan di sekitar Tanjung Tokong, Tanjung Bunga, Persiaran Gurney dan kawasan sekitar hanya perlu melabuhkan pukak hanyut mereka di sekitar perairan jeti Pangkalan Nelayan Tanjung Tokong untuk menda-patkan hasil laut seperti ikan bawal, udang, sotong dan sebagainya dengan mudah.

Bagaimanapun, segala-galanya berubah sekitar empat tahun lalu dengan kemunculan boya yang dipasang pemaju projek penambakan Seri Tanjung Pinang 2 (STP2).

Boya yang terletak kira-kira dua kilometer dari jeti Pangkalan Nelayan Tanjung Tokong itu didakwa menyekat rezeki para nelayan apabila kawasan yang sebelum ini menjadi lubang ikan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
3/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

# Lokasi boya ikut Jabatan Laut

**PULAU PINANG 2 Sept.-** Lokasi boya yang dipasang pemaju projek penambakan Seri Tanjung Pinang 2 (STP2) yang didakwa menyukarkan nelayan untuk melabuhkan pukat di sekitar perairan Tanjung Tokong di sini ditentukan oleh Jabatan Laut.

Jurucakap Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. (TPD) berkata, Kumpulan E&O, melalui anak syarikatnya, TPD telah mengekalkan rekod pematuhan dengan kerja-kerja penambakan dijalankan mematuhi syarat-syarat diluluskan kajian terperinci impak alam sekitar (DEIA) dan pihak berkuasa berkaitan.

“Lokasi pemasangan boya masing-masing ditentukan oleh Jabatan Laut yang mana TPD sebagai pemaju projek komited untuk mematuhi aturan yang telah ditetapkan.

“Sebagai langkah keselamatan proaktif, kami juga sentiasa mengemas kini nelayan menerusi protokol amaran sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) kami mengenai aktiviti penambakan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kenyataan itu merupakan maklum balas mengenai

“Sebagai langkah keselamatan proaktif, kami juga sentiasa mengemas kini nelayan menerusi protokol amaran sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) kami mengenai aktiviti penambakan,”

**JURUCAKAP  
TANJUNG PINANG  
DEVELOPMENT SDN.  
BHD.**

rungutan para nelayan di kawasan Tanjung Tokong yang berdepan dengan kesulitan selepas boya di pasang pemaju projek berkenaan.

Nelayan mendakwa pukat hanyut mereka sering rosak selepas tersangkut pada boya berkenaan yang dipasang kira-kira dua kilometer dari kawasan jeti Pangkalan Nelayan Tanjung Tokong.

# Penceroboh perairan negara wajar dikenakan tindakan tegas

Oleh AZIZ MUDA

ISU berkaitan perikanan adalah sangat penting memandangkan komuniti nelayan menjadi penge- luan produk protein sektor perikanan yang sangat utama. Oleh itu, Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2019 wajar disokong kerana terdapat tambahan penalti dan hukuman amenda kepada pihak yang bersalah.

Menerusi pindaan rang undang-undang itu, tambahan penalti dan hukuman amenda yang dikenakan daripada RM1 juta kepada RM6 juta bagi pemunya atau nakhoda dan daripada RM100,000 kepada RM600,000, bagi tiap-tiap anggota kru bagi kesalahan di bawah Akta 317 dalam hal vesel penangkapan ikan asing atau rakyat negara asing.

Ahli Parlimen PAS dari Dungun, Ustaz Wan Hassan Mohd Ramli berkata, oleh itu, pihak kerajaan perlu melihat di mana adanya vesel asing dan nakhoda serta kru asing, vesel tempatan tetapi nakhoda dan juga kruinya asing, vesel tempatan dengan nakhoda dan kruinya juga orang tempatan.

Menurut beliau, kesemua itu perlu dilihat kerana ia memberi kesan kepada penalti dan juga hukuman am yang akan ditambah daripada kesalahan di bawah Akta 317 itu.

Katanya, walau bagaimanapun, apa yang penting bukanlah soal yang berkait dengan setakat denda yang ditingkatkan itu, tetapi yang lebih penting ialah menangani isu pencerobohan nelayan asing di perairan perikanan Malaysia.

"Oleh kerana tujuan rang undang-undang ini pertamanya ialah kita ingin menjaga aset perikanan negara. Kemudian, penguatkuasaan selepas daripada itu setelah berlakunya pengawasan, kawalan dan pemantauan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengambil bahagian



dalam perbincangan Rang Undang-undang Perikanan 1985 (Pindaan) 2019, yang dicadangkan dan dibentangkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahuddin Ayub, pada persidangan Dewan Rakyat 9 Julai lalu.

Menurut beliau, selain itu perkara yang perlu dilihat ialah bagaimana kes yang sedang menjadi keutamaan yang membimbangkan nelayan-nelayan tempatan sekarang, memandangkan merekalah yang akan terjejas apabila berlaku pencerobohan nelayan-nelayan asing di perairan perikanan Malaysia.

"Oleh itu, kita dapat, bagaimana pindaan yang dibuat ini melibatkan apa yang perlu kita lihat dari segi hal semasa, bagaimana kekurangan dari segi tindakan-tindakan tegas yang diambil daripada kawalan-kawalan yang sedia ada.

"Oleh kerana laut yang sangat luas yang melibatkan Laut China Selatan, melibatkan nelayan-nelayan di Kelantan, Terengganu, Pahang hingga ke Johor dan juga yang melibatkan Sabah dan Sarawak. Ini juga menjadi isu utama kepada nelayan-nelayan tempatan," katanya.

Beliau menegaskan bahawa dalam zon yang sedia ada pun, sebelum takrifan yang diberi daripada rang undang-undang tersebut iaitu laut lepas, banyak berlaku pencerobohan daripada nelayan asing yang melibatkan asas kepada pemantauan isu kawalan dan isu pengawasan.

Selangkan, keselamatan kepada aset negara yang melibatkan perikanan dan hasil-hasil protein itu merupakan satu perkara penting yang ditekankan daripada cadangan pin-

daan rang undang-undang itu.

Keselamatan nelayan tempatan

Meneruskan perbincangannya, beliau berkata, perkara kedua yang perlu dilihat oleh pihak kerajaan berhubung cadangan pindaan rang undang-undang tersebut ialah yang melibatkan keselamatan nelayan itu sendiri.

Katanya, ini kerana pencerobohan yang berlaku itu datangnya daripada nelayan asing, melibatkan penggunaan peralatan penangkapan ikan yang tidak dibenarkan di negara ini dan mereka juga turut membawa senjata api. Ini menyebabkan keselamatan nelayan-nelayan tempatan.

"Apa yang menjadi isu, apabila kita melihat kepada jawapan yang diberikan, hasil pemantauan dan tindakan agensi-agensi penguatkuasa yang ada, melibatkan agensi yang sedia ada, daripada penyelesaian yang dicadangkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani atau pasukan petugas khas yang dianggotai oleh empat Kementerian dan tujuh agensi bagi menangani isu ini.

"Apabila kita melihat kepada jawapan-jawapan yang telah diberikan, berkait dengan pencerobohan nelayan-nelayan asing ini, kita dapati jawapan-jawapannya kadang-kadang seperti tidak memberikan satu jawapan yang memuaskan kita dari segi tindakan dan penguatkuasaan," ujarnya.

Pertama, katanya, aset negara yang tidak cukup atau agensi negara banyak sangat atau laut Malaysia sangat luas atau yang lain-lain yang terus berulang-dijadikan alasan.

Beliau menegaskan, sepatutnya, apabila pihak kerajaan sendiri sudah tahu tentang lautan negara yang sangat luas yang melibatkan Sabah dan Sarawak dan juga Laut China Selatan, ia mesti diberikan perhatian supaya

pindaan rang undang-undang yang dicadangkan dari Akta Perikanan 1985 itu digeruni.

"Perkara yang lebih penting ialah ada tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dilakukan dengan tegas dan difahami oleh nelayan-nelayan asing yang mencero- bopoh supaya kita dapat memelihara aset-aset dalam bidang perikanan dan protein negara.

"Kedua ialah memberikan satu jaminan bahawa perusahaan yang melibatkan perikanan ini ada jaminan kepada nelayan-nelayan tempatan," tegas beliau.

Musnahkan kapal nelayan asing

Mengakhiri perbincangannya, beliau memohon penjelasan daripada menteri berkenaan sama ada menteri yang bertanggungjawab itu memikirkan kini sudah tiba masanya bagi pihak kerajaan juga bersedia untuk mengenakan tindakan yang lebih tegas terhadap pihak yang mencero- bopoh perairan negara ini.

"Contohnya seperti memusnahkan kapal nelayan asing yang mencero- bopoh perairan negara kita seperti yang dibuat oleh negara jiran kita Indonesia dalam menangani isu ini.

"Jadi, saya pohon setakat ini, jika boleh dibekalkan maklumat kes tangkapan dan juga tindakan-tindakan yang telah diambil secara tegas terhadap permasalahan pencerobohan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan asing dalam kawasan perairan negara kita," ujar beliau.

Sebat menyalahi Artikel 79

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Salahuddin Ayub dalam peng- gulungannya menjelaskan penguatkuasaan haruslah selaras dengan perundangan semasa.

Menurut beliau, pada masa ini vesel-vesel yang ditangkap, dibicarakan

dan disabitkan akan dilucut hak. Jadi step pertama didakwa atau dibawa ke mahkamah.

Dengan pindaan yang dituluskan itu, katanya, mahkamah akan melucutkan hak mereka dan kemudian terpu- langlah kepada menteri yang bertanggungjawab ataupun yang akan memberikan kuasa kepada ketua pengarah untuk mengambil tindakan.

"Saya sudah diberikan nasihat oleh pegawai, vesel- vesel kayu ini kita tidak boleh tenggelamkan nanti dia pecah, dia timbul dan dia akan mendatangkan masalah.

"Jadi kita mungkin ambil tindakan untuk musnahkan dengan cara yang terbaik. Kalau hendak sebut bakar nanti kita akan hadapi pula isu dengan alam sekitar. Jadi kita akan fikir cara yang terbaik, yang besif ini kita tenggelamkan, insya-Allah," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab bu- jah yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Bagan Serai, Ahli Parlimen Jelutong, Ahli Parlimen Kuala Terengganu dan Ali Parlimen Kemaman yang mencadangkan 'shoot on sight', hukuman sebatan, penguatkuasaan yang lebih tegas dan menggerunkan yang sewajarnya dikenakan oleh kerajaan terhadap pihak penceroboh.

Jawapan beliau itu juga dikira relevan dengan hujah Ustaz Wan Hassan dalam perbincangannya itu yang antara lain memohon penjelasan daripada menteri berkenaan, sama ada menteri yang bertanggungjawab itu memikirkan kini sudah tiba masanya bagi pihak kerajaan juga bersedia untuk mengenakan tindakan yang lebih tegas terhadap pihak yang mencero- bopoh perairan negara ini.

Menurut Salahuddin lagi, tetapi cadangan untuk sebat dan juga 'shoot on sight' itu kalau mengikut Artikel 79, United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS), jelas tidak membenarkan hukuman penjara kepada pesa-



Ustaz Wan Hassan Mohd Ramli

lah di bawah undang-undang perikanan.

"Oleh itu sebatan juga tidak boleh kita kenakan. Jadi kita harus juga patuh kepada undang-undang ini. Akan tetapi untuk tenggelamkan itu saya rasa satu jalan yang baik dan Indonesia dan Thailand sudah buat. Jadi 'why not' kita berlaku tegas terhadap isu-isu yang melibatkan vesel yang mencero- bopoh ini," kata Salahuddin.

**Tindakan-tindakan penguatkuasaan yang dilakukan dengan tegas dan difahami oleh nelayan-nelayan asing yang mencero- bopoh supaya kita dapat memelihara aset-aset dalam bidang perikanan dan protein negara.**